



**INTI PATI HASIL
KAJIAN PENGESANAN
GRADUAN 2017**

1.1 Profil Graduan 2017

- 1.1.1 Sebanyak 414 IPT telah menyertai Kajian Pengesanan Graduan KPT pada tahun 2017 dengan bilangan graduan yang dikeluarkan adalah seramai 299,635 orang. Universiti awam mengeluarkan seramai 135,141 graduan, diikuti IPTS seramai 128,295 graduan, politeknik (25,532 graduan), kolej komuniti (9,533 graduan) dan IPT lain seramai 1,134 graduan.
- 1.1.2 Keluaran graduan tertinggi pada tahun 2017 adalah bagi peringkat ijazah pertama, iaitu sebanyak 45.6 peratus, diikuti keluaran peringkat diploma (40.3 peratus), peringkat sarjana (8.0 peratus), peringkat sijil (3.9 peratus), peringkat Ph.D (1.7 peratus) dan peringkat lain sebanyak 0.6 peratus.
- 1.1.3 Peratus terbesar graduan 2017 adalah lulusan dalam bidang sastera dan sains sosial, iaitu sebanyak 47.9 peratus, diikuti bidang teknik (21.6 peratus), bidang sains (14.5 peratus), bidang teknologi maklumat dan komunikasi (9.0 peratus) dan bidang pendidikan sebanyak 7.0 peratus.
- 1.1.4 Graduan lelaki melebihi graduan perempuan bagi dua bidang pengajian utama, iaitu dalam bidang teknik dan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi iaitu masing-masing sebanyak 65.8 peratus dan 52.4 peratus. Bagi bidang-bidang lain, majoriti adalah graduan perempuan.
- 1.1.5 Graduan antarabangsa mewakili 4.9 peratus (14,604 orang) dari keseluruhan graduan tahun 2017. Universiti awam mengeluarkan seramai 5,522 graduan antarabangsa dan sebahagian besarnya di peringkat Ph.D (39.3 peratus), diikuti peringkat sarjana (36.6 peratus) dan 24.0 peratus peringkat ijazah pertama. Manakala daripada 9,097 graduan antarabangsa IPTS, 64.3 peratus merupakan graduan peringkat ijazah pertama, diikuti peringkat sarjana (21.4 peratus) dan peringkat diploma sebanyak 10.2 peratus.

1.2 Status Pekerjaan Graduan (Warganegara) 2017

- 1.2.1 Sebanyak 55.4 peratus graduan yang berkonvokesyen pada tahun 2017 menyatakan mereka telah bekerja, diikuti 17.1 peratus sedang melanjutkan pengajian, menunggu penempatan pekerjaan (4.7 peratus) dan 2.0 peratus sedang meningkatkan kemahiran. Manakala terdapat 20.9 peratus graduan yang belum bekerja.
- 1.2.2 Graduan kolej komuniti mencatatkan kadar bekerja paling tinggi, iaitu sebanyak 78.9 peratus, diikuti oleh graduan politeknik (77.8 peratus), universiti awam (52.9 peratus), IPTS (51.5 peratus) dan IPT lain sebanyak 43.8 peratus.
- 1.2.3 Mengikut peringkat pengajian, kesemua graduan peringkat sijil lepasan ijazah sudah bekerja. Peratus kedua tertinggi yang bekerja adalah dalam kalangan graduan peringkat diploma lanjutan, iaitu 85.2 peratus, diikuti graduan peringkat Ph.D sebanyak 78.6 peratus, graduan peringkat sarjana dan peringkat diploma lepasan ijazah, iaitu masing-masing 78.4 peratus.

1.3 Maklumat Pekerjaan Graduan 2017

- 1.3.1 Sebahagian besar, iaitu 54.2 peratus graduan yang bekerja menyatakan pekerjaan mereka bertaraf tetap, diikuti taraf kontrak (20.1 peratus) dan sementara (18.9 peratus). Selebihnya bekerja sendiri dan bekerja dengan keluarga, iaitu masing-masing 3.7 peratus dan 3.2 peratus.

- 1.3.2 Sebanyak 40.0 peratus graduan 2017 bekerja dalam kumpulan profesional, diikuti kumpulan pekerja sokongan perkeranian (16.9 peratus), pekerja perkhidmatan dan jualan (16.2 peratus) dan kumpulan juruteknik dan profesional bersekutu sebanyak 8.3 peratus.
- 1.3.3 Sektor swasta merupakan pembekal utama pekerjaan kepada graduan 2017, iaitu sebanyak 66.1 peratus, dengan swasta tempatan membekalkan sebanyak 48.0 peratus dan swasta multinasional sebanyak 18.1 peratus. Sektor kerajaan merupakan pembekal kedua terbesar iaitu sebanyak 15.6 peratus.
- 1.3.4 Pendapatan bulanan graduan 2017 mengikut peringkat pengajian menunjukkan 70.6 peratus graduan Ph.D berada dalam kumpulan pendapatan RM5001 dan ke atas. Bagi graduan sarjana, kelompok terbesar adalah dalam kumpulan RM3001 – RM5000, iaitu 37.1 peratus. Peringkat ijazah pertama pula menunjukkan peratus tertinggi berada dalam kumpulan pendapatan RM2001 – RM3000, iaitu sebanyak 35.1 peratus dan bagi peringkat diploma, sebanyak 59.5 peratus berada dalam kumpulan pendapatan RM1001 – RM2000.

1.4 Graduan 2017 yang Melanjutkan Pengajian

- 1.4.1 Sebanyak 20.4 peratus graduan 2017 melanjutkan pengajian sejurus saja tamat pengajian, majoritinya melanjutkan pengajian ke satu tahap yang lebih tinggi dari sebelumnya. Bagi graduan sarjana yang melanjutkan pengajian sebanyak 82.4 peratus melanjutkan pengajian ke peringkat Ph.D. Sebahagian besar graduan ijazah pertama pula, iaitu 69.6 peratus melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dan sebanyak 89.5 graduan diploma melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama. Manakala sebanyak 77.8 peratus graduan sijil melanjutkan pengajian ke peringkat diploma.
- 1.4.2 Majoriti (95.0 peratus) graduan UA melanjutkan pengajian semula ke UA, 72.7 peratus graduan IPTS melanjutkan pengajian ke IPTS manakala sebanyak 77.7 peratus graduan politeknik pula memilih UA sebagai destinasi untuk melanjutkan pengajian.
- 1.4.3 Sebanyak 83.2 peratus graduan 2017 menyatakan mereka melanjutkan pengajian dalam bidang yang sama atau berkaitan dengan bidang pengajian sebelumnya.
- 1.4.4 Dalam kalangan graduan 2017 yang melanjutkan pengajian, 34.3 peratus adalah bertujuan untuk meningkatkan tahap kelayakan akademik, diikuti minat yang mendalam bagi mencari ilmu (18.8 peratus), meningkatkan peluang mendapat pekerjaan (18.0 peratus), dan sebanyak 17.2 peratus bertujuan mendapatkan prospek kerjaya yang lebih baik.

1.5 Maklumat Graduan 2017 (Warganegara) yang Belum Bekerja

- 1.5.1 Sebanyak 69.9 peratus daripada graduan yang belum bekerja memaklumkan mereka sedang aktif mencari pekerjaan. Terdapat 9.4 peratus graduan yang belum bekerja memilih untuk berehat setelah tamat pengajian dan 5.5 peratus pula belum bekerja kerana memikul tanggungjawab terhadap keluarga. Selebihnya sedang menunggu penempatan bagi melanjutkan pengajian (5.0 peratus), kerja yang ditawarkan tidak sesuai (2.6 peratus) dan memilih untuk tidak bekerja sebanyak 2.0 peratus.

- 1.5.2 Kadar belum bekerja mengikut bidang pengajian utama menunjukkan, graduan bidang sains mencatat peratus tertinggi, iaitu 24.6 peratus, diikuti bidang sastera dan sains sosial (22.7 peratus), bidang teknologi maklumat dan komunikasi (18.3 peratus), bidang teknik (17.0 peratus) dan bidang pendidikan sebanyak 16.6 peratus.

1.6 Graduan 2017 yang Bekerja Sendiri

- 1.6.1 Sebanyak 3.7 peratus daripada graduan 2017 yang bekerja menyatakan mereka bekerja sendiri. Mengikut IPT, graduan kolej komuniti mencatat kadar bekerja sendiri yang tertinggi, iaitu 10.0 peratus, diikuti graduan IPT lain sebanyak 6.6 peratus, politeknik (5.6 peratus), graduan UA (3.1 peratus) dan IPTS sebanyak 2.9 peratus.
- 1.6.2 Empat jenis perniagaan utama yang diceburi oleh graduan yang bekerja sendiri ialah perniagaan atas talian (e-business/online), iaitu sebanyak 14.5 peratus, 7.9 peratus pemprosesan & pembuatan makanan, 6.3 peratus jualan langsung dan 6.2 peratus restoran/warung/*food truck*.
- 1.6.3 Sebahagian besar graduan yang bekerja sendiri memperoleh pendapatan bulanan RM1000 dan ke bawah, iaitu 53.6 peratus.

1.7 Graduan OKU 2017; Keluaran dan Maklumat Pekerjaan

- 1.7.1 Seramai 682 graduan berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) telah dikeluarkan oleh IPT pada tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, keluaran universiti awam adalah sebanyak 35.5 peratus, diikuti IPTS (32.0 peratus) dan kolej komuniti sebanyak 20.7 peratus.
- 1.7.2 Tiga peringkat pengajian tertinggi graduan OKU ialah peringkat ijazah pertama, iaitu 37.8 peratus, diikuti peringkat sijil (28.3 peratus) dan peringkat diploma sebanyak 25.2 peratus, peringkat sarjana 6.7 peratus dan dan Ph.D sebanyak 1.5 peratus.
- 1.7.3 Sebanyak 37.8 peratus graduan OKU mengalami kecacatan anggota fizikal, diikuti 18.0 peratus cacat pendengaran dan 14.8 peratus cacat penglihatan.
- 1.7.4 Dalam kalangan graduan OKU tersebut, sebanyak 53.9 peratus telah bekerja semasa menghadiri konvokesyen masing-masing. Terdapat 15.2 peratus graduan OKU yang melanjutkan pengajian dan sebanyak 26.1 peratus masih belum bekerja.
- 1.7.5 Sektor swasta merupakan pembekal utama pekerjaan kepada graduan OKU, iaitu sebanyak 58.7 peratus, dengan sektor swasta tempatan sebanyak 42.8 peratus manakala swasta multinasional sebanyak 15.9 peratus. Sebanyak 20.3 peratus graduan OKU bekerja dalam sektor kerajaan dan 9.4 peratus dalam perusahaan sendiri.
- 1.7.6 Secara keseluruhannya, peratus tertinggi pendapatan bulanan graduan OKU adalah dalam kohort RM1000 dan ke bawah, iaitu sebanyak 43.6 peratus.

1.8 Graduan Orang Asli 2017; Keluaran dan Maklumat Pekerjaan

- 1.8.1 Pada tahun 2017, seramai 229 graduan berketurunan Orang Asli telah dikeluarkan oleh IPT negara, dengan seramai 140 orang dari UA, diikuti IPTS seramai 35 orang, politeknik (29 orang), kolej komuniti (42 orang) dan seorang dari IPT lain. Dua kumpulan terbesar graduan Orang Asli 2017 adalah di peringkat diploma, iaitu seramai 128 orang dan peringkat ijazah pertama seramai 59 orang. Manakala peringkat sijil adalah seramai 28 orang dan peringkat sarjana seramai 14 orang.
- 1.8.2 Sebanyak 45.7 peratus graduan Orang Asli menyatakan mereka telah bekerja dan 24.3 peratus belum bekerja semasa kajian dijalankan. Selebihnya, iaitu 22.4 peratus sedang melanjutkan pengajian, 5.7 peratus sedang menunggu penempatan pekerjaan dan 1.9 peratus lagi sedang meningkatkan kemahiran.
- 1.8.3 Dalam kalangan graduan keturunan Orang Asli yang bekerja, sebanyak 48.8 peratus bekerja dalam sektor swasta tempatan, diikuti sektor kerajaan sebanyak 20.2 peratus dan sektor swasta multinasional sebanyak 9.5 peratus.
- 1.8.4 Tiga kumpulan terbesar pendapatan bulanan bagi graduan Orang Asli adalah dalam kumpulan RM1001 – RM2000 (39.6 peratus), diikuti 35.4 peratus dalam kumpulan pendapatan RM1000 dan ke bawah dan 14.6 peratus berpendapatan dalam kumpulan RM2001 – RM3000.